



Jabatan Bendahari

Rujukan Tuan :

Rujukan Kami :

Tarikh :

UPSI/BEN/B/597/2020(2)

27 Februari 2020

3 Rejab 1441H

Semua
Ketua Pusat Tanggungjawab
Universiti Pendidikan Sultan Idris

YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan,

PEKELILING BENDAHARI BIL. 2/2020 - GARIS PANDUAN PELAKSANAAN CUKAI PEGANGAN (WITHOLDING TAX) DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Kali Ke-127 Bil. 1/2020 bertarikh 28 Januari 2020 telah bersetuju meluluskan Garis Panduan Pelaksanaan Cukai Pegangan (*Witholding Tax*) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

3. Untuk makluman YBhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan, jenis bayaran yang tertakluk kepada cukai pegangan adalah seperti berikut:

JENIS BAYARAN	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967	KADAR CUKAI
Bayaran Kontrak	Seksyen 107A (1) (a) & 107A (1) (b)	10%, 3%
Faedah	Seksyen 109	15%
Royalti	Seksyen 109	10%
Pendapatan tertentu kelas khas : Bayaran teknikal, Bayaran perkhidmatan, Sewa / bayaran untuk menggunakan harta boleh alih	Seksyen 109B	10%
Faedah (kecuali faedah yang dikecualikan) dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan	Seksyen 109C	5%
Pendapatan seniman kembara tidak bermastautin	Seksyen 109A	15%

Pelaburan Amanah Hartanah (REIT)	Seksyen 109D	
(i) Selain daripada syarikat pemastautin		10%
(ii) Syarikat bukan pemastautin		25%
(iii) Pelabur institusi asing berkuatkuasa mulai 01/01/2007		10%
Dana Keluarga/Dana Takaful Keluarga/Dana Am	Seksyen 109E	
(i) individu dan lain-lain		8%
(ii) syarikat tidak bermastautin		25%
Pendapatan di bawah seksyen 4(f) ACP 1967	Seksyen 109F	10%

4. Dilampirkan bersama-sama ini Garis Panduan Pelaksanaan Cukai Pegangan (*Withholding Tax*) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Borang CP37D - Pin 3/2014 untuk rujukan dan tindakan.
5. Pemakaian pekeliling ini berkuatkuasa serta merta dari tarikh kelulusan mesyuarat LPU tersebut

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“UNIVERSITI NO. 1 PENDIDIKAN”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. MOHAMAD NAJIB BIN HJ. MOHAMED, C.A.(M), ASEAN CPA)

Bendahari

Universiti Pendidikan Sultan Idris

- s.k Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)



GARIS PANDUAN
PELAKSANAAN CUKAI PEGANGAN (*WITHOLDING TAX*) DI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Jabatan Bendahari
Universiti Pendidikan Sultan Idris

1.0 TUJUAN

Garis Panduan (GP) ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf berkenaan pelaksanaan Cukai Pegangan (*Withholding Tax*) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

2.0 DEFINISI

Cukai Pegangan ialah satu amaun yang dipegang oleh pembayar terhadap pendapatan yang diterima oleh penerima (individu/badan selain individu) bukan bermastautin dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Pembayar merujuk kepada individu/badan yang menjalankan perniagaan di Malaysia dan perlu meremitkan cukai pegangan terhadap sebarang bentuk bayaran perkhidmatan/khidmat nasihat/sewa harta mudah alih/royalti/faedah/kontrak yang diterima oleh penerima tidak bermastautin.

Penerima merujuk kepada individu/badan selain individu bukan pemastautin yang memberi sebarang bentuk perkhidmatan/khidmat nasihat atau menerima sewa harta mudah alih/royalti/faedah daripada pembayar, yang mana cukai pegangan ditolak daripada amaun kasar bayaran perkhidmatan yang diterima.

Pemastautin di bawah undang-undang percukaian Malaysia adalah jika berada tidak kurang daripada 182 hari di Malaysia untuk satu tahun, tanpa mengira kerakyatan atau kewarganegaraan.

3.0 LATAR BELAKANG

3.1 UPSI merupakan sebuah institusi yang ada membuat bayaran kepada penerima bukan pemastautin antaranya adalah seperti berikut:

- a. Bayaran kepada penilai luar yang dijemput untuk menilai tesis pelajar UPSI

- b. Bayaran kepada penilai luar untuk menilai proses kenaikan pangkat ke Profesor Madya dan Profesor
 - c. Bayaran kepada pakar rujuk
 - d. Bayaran saguhati kepada penceramah jemputan (*keynote speaker*)
- 3.2 Dalam konteks ini, UPSI adalah berperanan sebagai pembayar dan perlu memastikan amaun yang dibayar kepada penerima bukan pemastautin dipegang (dipotong) pada kadar tertentu yang ditetapkan oleh pihak LHDN.

4.0 POTONGAN CUKAI PEGANGAN

- 4.1 Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan bahawa apabila pembayar membuat bayaran seperti yang disenaraikan dalam jadual di bawah kepada penerima bukan pemastautin, pembayar hendaklah memotong cukai pegangan dengan kadar tertentu daripada bayaran itu dan membayar cukai tersebut kepada LHDN dalam tempoh satu (1) bulan selepas bayaran tersebut dikreditkan kepada penerima bukan pemastautin:-
- 4.2 Secara umumnya, jenis bayaran tertakluk kepada cukai pegangan dan kadar cukai pegangan ke atas penerima bukan pemastautin adalah seperti berikut:-

JENIS BAYARAN	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967	KADAR CUKAI
Bayaran Kontrak	Seksyen 107A (1) (a) & 107A (1) (b)	10%, 3%
Faedah	Seksyen 109	15%
Royalti	Seksyen 109	10%
Pendapatan tertentu kelas khas : Bayaran teknikal, Bayaran perkhidmatan, Sewa / bayaran untuk menggunakan harta boleh alih	Seksyen 109B	10%
Faedah (kecuali faedah yang dikecualikan) dibayar oleh institusi kewangan yang diluluskan	Seksyen 109C	5%
Pendapatan seniman kembara tidak bermastautin	Seksyen 109A	15%

Pelaburan Amanah Hartanah (REIT)	Seksyen 109D	
(i) Selain daripada syarikat pemastautin		10%
(ii) Syarikat bukan pemastautin		25%
(iii) Pelabur institusi asing berkuatkuasa mulai 01/01/2007		10%
Dana Keluarga/Dana Takaful Keluarga/Dana Am	Seksyen 109E	
(i) individu dan lain-lain		8%
(ii) syarikat tidak bermastautin		25%
Pendapatan di bawah seksyen 4(f) ACP 1967	Seksyen 109F	10%

- 4.3 Di UPSI, bayaran-bayaran yang dibayar kepada penerima bukan pemastautin adalah di bawah kategori Pendapatan Tertentu Kelas Khas. Bayaran-bayaran tersebut perlu dipotong cukai pegangan pada kadar 10% dan perkara ini telah ditetapkan di bawah Seksyen 109B, Akta Cukai Pendapatan 1967.

Contoh:

Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), UPSI menjemput Prof. Dr. Alex Wilson dari Universiti Oxford, United Kingdom bagi menyampaikan ucap tama dalam sebuah program yang dianjurkan oleh fakulti berkenaan. Pihak UPSI akan membayar RM5,000 sebagai saguhati penceramah kepada beliau bagi tujuan berkenaan. Jumlah cukai pegangan yang perlu dipotong adalah seperti berikut: $RM5,000 \times 10\% = RM500$. Perincian bagi bayaran yang perlu dibuat adalah seperti berikut:

Bayaran kepada Prof. Dr. Alex Wilson = RM4,500 (Saguhati penceramah)

Bayaran kepada LHDN = RM500 (Cukai pegangan)

- 4.4 Sehubungan itu, mana-mana Pusat Tanggungjawab (PTj) yang ingin menjemput/mendapatkan khidmat daripada individu/badan selain individu bukan pemastautin perlu menyatakan dengan jelas dalam surat lantikan/tawaran individu/badan selain individu tersebut berkenaan potongan bayaran bagi maksud cukai pegangan. Pihak Jabatan Bendahari akan membuat potongan cukai pegangan dan hanya akan menjelaskan amaun bersih kepada penerima.

5.0 KELEWATAN MEMBAYAR CUKAI PEGANGAN

- 5.1 Di mana pembayar gagal membayar cukai pegangan atau lewat membayar cukai pegangan (tidak di dalam tempoh satu bulan selepas tarikh dibayar/dikreditkan bayaran kepada penerima bukan pemastautin), pembayar akan dikenakan kenaikan cukai pegangan bersamaan dengan sepuluh peratus (10%) daripada jumlah cukai pegangan yang masih belum dibayar.

Contoh:

Elaun kepada penilai luar yang tertakluk kepada cukai pegangan dibayar pada **03/08/2019 = RM5,000**

Cukai pegangan diterima oleh LHDN pada 10/09/2006 (lewat daripada **02/09/2019**) = **RM500**

Kenaikan cukai dikenakan ke atas pembayar (RM500 @ 10%) = **RM50**

Berkuatkuasa mulai 02/09/2019.

6.0 PERJANJIAN PENGELAKAN PERCUKAIAN DUA KALI (*DOUBLE TAXATION AGREEMENT* ATAU DTA)

- 6.1 Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian (DTA) dengan lebih kurang 72 buah negara asing untuk mengelakkan pencukaaian dua kali jika pendapatan yang sama dikenakan cukai di Malaysia dan di negara asing tersebut. Maklumat berkenaan Kadar Cukai Pegangan Perjanjian Pengelakan Percukaaian Dua Kali boleh dirujuk pada **Lampiran A**.
- 6.2 Untuk menuntut kadar DTA, penerima perlu mengemukakan Sijil Taraf Mastautin (*Certificate of Tax Residence*) dari negara di mana penerima tersebut bermastautin.
- 6.3 Sekiranya kadar cukai pegangan yang dinyatakan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 adalah lebih rendah berbanding kadar DTA, kadar terendah hendaklah digunakan.

7.0 PERANAN UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)

Sebagai pembayar, UPSI perlu memastikan bayaran (yang tertakluk kepada cukai pegangan) yang dibayar kepada penerima bukan pemastautin dipotong pada kadar tertentu dan dibayar kepada pihak LHDN dalam tempoh yang ditetapkan.



(Sila baca nota di muka sebelah sebelum mengisi borang ini)
(Please read the notes overleaf before completing this form)

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
INLAND REVENUE BOARD OF MALAYSIA

Seksyen 109B Akta Cukai Pendapatan, 1967
Section 109B Income Tax Act, 1967

AKAUN POTONGAN-POTONGAN DARIPADA PENDAPATAN KELAS KHAS DI BAWAH SEKSYEN 4A AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967
ACCOUNT OF DEDUCTIONS FROM SPECIAL CLASSES OF INCOME IN ACCORDANCE WITH SECTION 4A INCOME TAX ACT 1967

A. BUTIR-BUTIR PEMBAYAR/PARTICULARS OF PAYER					
1. No. Rujukan (No. Pendaftaran Syarikat/Perniagaan atau No. Kad Pengenalan bagi individu) Reference No. (Registration No. of Company/ Business or Identity Card No. for individual)					
2. No. Cukai Pendapatan * (sila lengkapkan) Income Tax No.* (please complete)					
3. Nama Pembayar Name of Payer					
4. Alamat Pos Postal Address					
B. BUTIR-BUTIR MENGENAI ORANG YANG TELAH DIBAYAR / DIKREDITKAN PENDAPATAN KELAS KHAS PARTICULARS OF PERSON TO WHOM THE SPECIAL CLASSES OF INCOME HAD BEEN PAID/CREDITED					
5. No. Rujukan (No. Pasport/No. Pendaftaran Sykt./Perniagaan) Reference No. (Passport No./Registration No. of Company/ Business)					
6. No. Cukai Pendapatan Malaysia (jika ada) Malaysian Income Tax No. (if any)					
7. Nama Penuh Penerima Full Name of Payee					
8. Alamat Address					
9. Negara Asing Foreign Country					
C. BUTIR-BUTIR MENGENAI POTONGAN-POTONGAN/PARTICULARS OF DEDUCTIONS					
10. Kategori bayaran Category of payments	11. Tempoh di mana bayaran dibayar/ dikredit Period for which the said payment was paid/credited	12. Tarikh bayaran telah dibayar /dikreditkan Date the payment was paid /credited	13. Amaun bayaran kasar (sertakan salinan invoice) Amount of gross payment (attach copy of invoice)	14. Amaun potongan dibawah Seksyen 109B (Kadar 10%) Amount of deduction under Section 109B (rate 10%)	15. Amaun bersih dibayar/ dikreditkan (sertakan salinan dokumen) Net amount paid /credited (attach copy of document)
Perkhidmatan Services			RM	RM	RM
Teknikal/Technical			RM	RM	RM
Harta alih Moveable property			RM	RM	RM

Saya, bagi pihak saya sendiri/bagi pihak pembayar di atas telah membuat potongan daripada amaun bayaran golongan pendapatan kelas khas yang disebut di atas ini dan mengemukakan akaun ini menurut peruntukan Subseksyen 109B(1) bersama dengan bukti tentang tarikh pembayaran telah dibuat/dikreditkan.

I, on my own behalf/on behalf of the above mentioned payer have made deductions from the above-mentioned amounts of special classes of income and render this account in accordance with the provision of Subsection 109B(1) together with documentary evidence of the date payment was paid/credited.

Saya sertakan bersama-sama ini wang tunai/cek No:.....
I enclose herewith cash/cheque No.

Amaun : RM.....
Amount

.....
Cop Rasmi Syarikat/Company's Official Seal

Nama:
Name

Tarikh/Date:.....

Jawatan:
Designation

No. Telefon:
Tel. No:

Tandatangan:
Signature

Kegunaan Pejabat/Office Use

Kategori Category	Kod Bayaran Payment Code
Perkhidmatan/Services	193
Teknikal/Technical	194
Harta Alih/Moveable Property	195

Section 109B Income Tax Act 1967 states:

(1) Where any person (in this section referred to as "the payer" is liable to make payments to a non-resident-

- (a) for services rendered by the non-resident person or his employee in connection with the use of property or rights belonging to, or the installation or operation of any plant, machinery or other apparatus purchased from, such non-resident;
- (b) for technical advice assistance or services rendered in connection with technical management or administration or any scientific, industrial or commercial undertaking, venture, project or scheme; or
- (c) for rent or other payments made under any agreement or arrangement for the use of any moveable property,

which is deemed to be derived from Malaysia, he shall upon paying or crediting the payments, deduct therefrom tax at the rate applicable to such payments, and (whether or not that tax is so deducted) shall within one month after paying or crediting such payment render an account and pay the amount of that tax to the Director General:

Provided that the Director General may under special circumstances allow extension of time for tax deducted to be paid over.

(2) Where the payer fails to pay any amount due from him under subsection (1), that amount which he fails to pay shall be increased by a sum equal to ten per cent of the amount which he fails to pay, and that amount and the increased sum shall be a debt due from him to the Government and shall be payable forthwith to the Director General."

Borang CP37D mesti **diisi dengan lengkap**.

Cek-cek yang dibayar oleh bank-bank di luar Malaysia tidak akan diterima. Cek-cek hendaklah dipalang dan dibayar kepada **KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI**. Bayaran hanya boleh dibuat melalui pos atau di kaunter bayaran seperti dinyatakan di bawah.

Cukai Pegangan **tidak boleh dibayar di bank**.

Nota:

- Bahagian A*** Jika pembayar belum ada Nombor Cukai Pendapatan, pendaftaran boleh dilakukan di cawangan berdekatan atau melalui e-Daftar di laman web www.hasil.gov.my.
- Bahagian B** Gunakan Borang CP37D dan cek berasingan bagi setiap orang yang tidak bemastautin yang kepadanya perkhidmatan/teknikal/harta alih telah dibayar/dikreditkan.
- Bahagian C** Jika mana-mana bahagian cukai yang kena dibayar tidak dibayar dalam tempoh satu bulan selepas membayar atau mengkreditkan bayaran itu, cukai akan dinaikkan, tanpa notis selanjutnya, sebanyak jumlah yang sama banyak dengan sepuluh peratus daripada amaun yang gagal dibayar, mengikut Subseksyen 109B(2), Akta Cukai Pendapatan, 1967. Bayaran kenaikan cukai jika berkenaan hendaklah dibayar secara berasingan dengan menggunakan Borang CP147 dan cek berasingan.

Form CP37D must be duly completed.

*Cheques drawn on banks outside Malaysia are not acceptable. Cheques should be crossed and made payable to the **DIRECTOR GENERAL OF INLAND REVENUE**. Payment can be made only by post or at the payment counters as stated below.*

Payment cannot be made at the bank.

Notes:

- Section A*** *If the payer does not have an Income Tax Number, registration can be done at the nearest branch or by e-Daftar on the website www.hasil.gov.my.*
- Section B** *Use a separate Form CP37D and cheque for each non-resident person to whom services/technical/moveable property was paid/credited.*
- Section C** *If any part of the tax payable is not paid within one month after paying or crediting the payment, the tax will be increased, without further notice, by a sum equal to ten percent of the amount which he fails to pay in accordance with Subsection 109B(2) of the Income Tax Act 1967. Payment of increase of tax, if any, should be paid separately using Form CP147 and separate cheque.*

	Alamat Pos / Postal Address	Kaunter Bayaran / Payment Counter
SEMENANJUNG MALAYSIA PENINSULAR MALAYSIA	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Pusat Bayaran Kuala Lumpur, Tingkat 15, Blok 8A Kompleks Bangunan Kerajaan, Jalan Tuanku Abdul Halim Karung Berkunci 11061 50990 Kuala Lumpur	Tingkat Bawah, Blok 8A Kompleks Pejabat Kerajaan Jalan Tuanku Abdul Halim Kuala Lumpur
SABAH & WP LABUAN	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kota Kinabalu Pusat Bayaran Kota Kinabalu Menara Hasil, Jalan Tunku Abdul Rahman, 88600 Kota Kinabalu Sabah	Tingkat Bawah, Wisma Hasil Jalan Tunku Abdul Rahman Kota Kinabalu
SARAWAK	Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Cawangan Kuching Pusat Bayaran Kuching, Unit Operasi Kutipan Cukai, Aras 1, Wisma Hasil, No. 1, Jalan Padungan, 93100 Kuching Sarawak	Aras 1, Wisma Hasil No.1, Jalan Padungan, Kuching